



GREAT MediValue¹+

GREAT MediValue Plus¹

Perjalanan kesihatan anda lebih mudah dan lancar - jagaan yang melindungi setiap langkah.



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Perjalanan kesihatan anda lebih mudah dan lancar - jagaan yang melindungi setiap langkah.

Perlindungan kesihatan dengan insurans perubatan masa kini biasanya akan melibatkan peningkatan komitmen kewangan. Ia bukan sahaja menjejaskan keupayaan anda untuk mendapatkan perlindungan tetapi juga untuk menyara diri dan orang tersayang. Dengan kos jagaan kesihatan semakin meningkat setiap tahun, bagaimanakah anda dapat mengimbangi keperluan untuk mendapatkan perlindungan perubatan yang diperlukan dengan premium insurans yang anda mampu bayar dan bertahan dalam jangka masa panjang?

GREAT MediValue merupakan rider perubatan berkaitan pelaburan yang menyediakan perlindungan perubatan menyeluruh, termasuk rawatan sebelum dan selepas kemasukan hospital, sokongan pesakit luar, perbelanjaan Unit Rawatan Rapi dan bayaran pembedahan, dengan had tahunan keseluruhan yang tinggi dan tiada had seumur hidup keseluruhan.


Pada masa yang sama, ia juga memastikan perjalanan jagaan kesihatan anda berterusan, dengan pelbagai pilihan deduktibel, Bonus Kesihatan dan laluan perubatan seperti ditetapkan di bawah 'The Great Journey' yang direka untuk membantu premium insurans anda agar terkawal.

Bukan itu sahaja, dengan menambah rider perubatan pilihan, GREAT MediValue Plus, anda boleh meningkatkan had tahunan keseluruhan dengan tambahan sebanyak RM10 juta, mendapat akses terhadap rawatan perubatan lanjutan yang berfokus kanser dan melanjutkan perlindungan selepas kemasukan hospital bagi keadaan serius sehingga 365 hari.

Mencapai cara yang lebih hebat untuk menguruskan perjalanan jagaan kesihatan anda hari ini dengan GREAT MediValue dan GREAT MediValue Plus.



Mengapa pilih GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus



Perlindungan perubatan menyeluruh dengan pelbagai pilihan deduktibel yang disesuaikan mengikut keperluan anda



Had tahunan keseluruhan tinggi yang dibaharui setiap tahun tanpa had seumur hidup keseluruhan




Kepelbagaian perlindungan berfokus kanser daripada ujian genomik kepada rawatan perubatan lanjutan



Nikmati Bonus Kesihatan setiap dua tahun apabila kekal sihat



Memperkenalkan laluan perubatan yang ditetapkan di bawah 'The Great Journey'



Perlindungan perubatan menyeluruh dengan pelbagai pilihan deduktibel yang disesuaikan mengikut keperluan anda

Dengan satu pelan perubatan, GREAT MediValue memberikan anda kawalan yang lebih baik terhadap caj insurans dan perbelanjaan poket anda tanpa menjejaskan perlindungan yang diperlukan.

Sebagai pelan perubatan menyeluruh, GREAT MediValue menjaga keperluan kewangan anda dengan melindungi semua perbelanjaan perubatan yang disenaraikan dalam Rumusan Jadual Perlindungan dan Manfaat, sehingga had yang dinyatakan. Ia termasuk rawatan sebelum dan selepas kemasukan hospital, perbelanjaan Unit Rawatan Rapi dan bayaran pembedahan, perlindungan kemalangan kecemasan pesakit luar dan kematian akibat kemalangan.

GREAT MediValue disertakan dengan pelbagai pilihan deduktibel bermula dari RM500 setiap tahun polisi. Deduktibel ialah amaun yang anda perlu bayar sebelum kami menguruskan baki bil perubatan anda mengikut terma dan syarat polisi.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Had tahunan keseluruhan tinggi yang dibaharui setiap tahun tanpa had seumur hidup keseluruhan

Dengan kos jagaan kesihatan swasta semakin meningkat, anda berasa yakin apabila mengetahui terdapat pelan perubatan dengan penampungan kewangan yang tinggi untuk melindungi anda daripada sebarang masalah kesihatan yang tidak dijangka.

GREAT MediValue menyediakan had tahunan keseluruhan tinggi sebanyak RM5,000,000, dan dibaharui setiap tahun polisi, supaya anda tidak perlu risau. Tiada had seumur hidup keseluruhan dikenakan, bagi memastikan keperluan perubatan anda terjaga, seiring dengan peningkatan usia.

Dengan menambah GREAT MediValue Plus, anda boleh melanjutkan had tahunan keseluruhan dengan tambahan RM10,000,000, seterusnya meningkatkan jumlah had tahunan keseluruhan kepada RM15,000,000. Ia memberi perlindungan yang anda perlukan untuk melindungi diri dan orang tersayang daripada sebarang cabaran kewangan akibat krisis kesihatan, supaya anda boleh fokus pada pemulihan dan kesejahteraan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Kepelbagaian perlindungan berfokus kanser daripada ujian genomik kepada rawatan perubatan lanjutan

Diagnosis kanser memerlukan rawatan perubatan intensif atau pembedahan besar agar anda berpeluang menjalani pemulihan terbaik. Dengan ujian genomik dilindungi bagi GREAT MediValue, doktor anda dapat mengetahui kanser tersebut dengan lebih lanjut seterusnya mencadangkan pelan rawatan paling sesuai untuk anda.

Dengan menambah GREAT MediValue Plus, anda juga akan mendapat akses pada kepelbagaian manfaat perubatan berfokus kanser termasuk perlindungan ubat kanser baharu, pembedahan pembentukan semula, saringan selepas kanser dan kaunseling psikologi.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.




Nikmati Bonus Kesihatan setiap dua tahun apabila kekal sihat

GREAT MediValue memberi ganjaran kepada anda apabila kekal sihat kerana tidak membuat sebarang tuntutan terhadap insurans perubatan anda.

Jika anda tidak membuat tuntutan bagi setiap dua tahun, 10% daripada caj insurans yang dikenakan pada tahun sebelum setiap bayaran balik akan dikembalikan dan dikreditkan dalam jumlah nilai pelaburan polisi anda pada akhir tempoh dua tahun ("Bonus Kesihatan"). Jika tuntutan dibuat dalam tempoh tersebut, anda tidak layak menerima Bonus Kesihatan bagi tempoh tersebut. Namun, jika anda tidak membuat tuntutan dalam tempoh dua tahun berikutnya, anda layak menerima Bonus Kesihatan lagi.

Bagaimana Bonus Kesihatan berfungsi



Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Memperkenalkan laluan perubatan yang ditetapkan di bawah 'The Great Journey'

GREAT MediValue ialah plan perubatan pertama kami yang disertakan dengan laluan perubatan yang ditetapkan di bawah 'The Great Journey', menyediakan jagaan berkualiti dan pengalaman jagaan kesihatan eksklusif di klinik dan hospital seluruh negara di bawah 'The Great Journey'.

Bagaimanakah laluan perubatan yang ditetapkan di bawah 'The Great Journey' berfungsi?

Langkah 1

Selamat datang ke laluan perubatan yang ditetapkan

Sebaik sahaja membeli GREAT MediValue, anda layak mendapat keistimewaan 'The Great Journey' di klinik dan hospital panel yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'.

Sila rujuk laman sesawang 'The Great Journey' di my.gelife.co/tgjooverview bagi maklumat lanjut.

Langkah 2

Hadir ke mana-mana klinik di bawah 'The Great Journey'

Hadir ke mana-mana klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' untuk penilaian awal.

Langkah 3

Hadir ke mana-mana hospital di bawah 'The Great Journey'

Dengan rujukan dari klinik di bawah 'The Great Journey', hadir ke mana-mana hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' untuk penilaian rawatan. Jika kemasukan hospital dicadangkan dan anda dimasukkan, anda akan meneruskan perjalanan jagaan dengan keistimewaan tambahan dan sokongan yang diselenggarakan.

Cari klinik dan/atau hospital terdekat anda di 'Panel Locator' kami di my.gelife.co/tgjlocatorsearch.



Dia mengikuti laluan perubatan yang ditetapkan di bawah 'The Great Journey':



Dia tidak mengikuti laluan perubatan yang ditetapkan di bawah 'The Great Journey':

Senario 1: Hadir ke klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey', dan dimasukkan ke hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'

Peristiwa	Klinik / Hospital	Kos Perubatan	Amaun Dibayar Pelanggan	Amaun yang Dilindungi Polisi	Penerangan
Rawatan Pesakit Luar bagi Demam Denggi	Klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'	RM200	Insurans bersama = RM10	RM190	5% insurans bersama dikenakan
Dimasukkan ke hospital akibat Demam Denggi (dengan rujukan dari klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey')	Hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'	RM5,000	Deduktibel = RM490	RM4,510	RM10 yang dibayar sebagai insurans bersama bagi rawatan pesakit luar akan dikira sebagai sebahagian daripada deduktibel RM500.
Jumlah Keseluruhan		RM5,200	RM500	RM4,700	

Senario 2: Hadir ke klinik yang tidak disenaraikan di bawah 'The Great Journey'

Peristiwa	Klinik / Hospital	Kos Perubatan	Amaun Dibayar Pelanggan	Amaun yang Dilindungi Polisi	Penerangan
Rawatan Pesakit Luar bagi Demam Denggi	Klinik yang tidak disenaraikan di bawah 'The Great Journey'	RM200	Insurans bersama = RM40	RM160	20% insurans bersama dikenakan
Dimasukkan ke hospital akibat Demam Denggi	Hospital yang disenaraikan atau tidak disenaraikan di bawah 'The Great Journey'	RM5,000	Deduktibel RM500 + 20% x (RM5,000 - RM500) = RM1,400	RM3,600	20% insurans bersama dikenakan sebagai tambahan pada deduktibel RM500
Jumlah Keseluruhan		RM5,200	RM1,440	RM3,760	

Senario 3: Melangkau langkah dengan tidak hadir ke klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'

Peristiwa	Klinik / Hospital	Kos Perubatan	Amaun Dibayar Pelanggan	Amaun yang Dilindungi Polisi	Penerangan
Rawatan Pesakit Luar bagi Demam Denggi	Hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'	RM200	Insurans bersama = RM40	RM160	20% insurans bersama dikenakan
Dimasukkan ke hospital akibat Demam Denggi	Hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'	RM5,000	Deduktibel RM500 + 20% x (RM5,000 - RM500) = RM1,400	RM3,600	20% insurans bersama dikenakan sebagai tambahan pada deduktibel RM500
Jumlah Keseluruhan		RM5,200	RM1,440	RM3,760	

Nota:

¹ Tertakluk pada terma dan syarat.

² Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Talian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan di 1300-1300-18 atau layari my.gelife.co/tgjooverview.

³ Insurans bersama (sehingga RM20,000 setiap tahun polisi) hanya dikenakan jika hayat yang diasuranskan tidak mengikuti laluan perubatan sepenuhnya yang ditetapkan di bawah 'The Great Journey'. Sila rujuk perkara 4 yang disenaraikan dalam Rumusan Jadual Perlindungan dan Manfaat untuk butiran lanjut.

Rumusan Jadual Perlindungan dan Manfaat bagi GREAT MediValue dan GREAT MediValue Plus

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih jenis plan terbaik bagi memenuhi keperluan perubatan, bergantung pada perbelanjaan dan keperluan anda dengan manfaat perubatan berikut:

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	GREAT MediValue	GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus
	Jenis Plan	Pelan 200	Pelan 200
1	Had Tahunan Keseluruhan bagi Perkara (5) hingga (36) (Berdasarkan jumlah yang dibayar)	RM5,000,000	RM15,000,000
2	Had Seumur Hidup Keseluruhan bagi Perkara (5) hingga (36) (Berdasarkan jumlah yang dibayar)	Tiada had	
3	Amaun Deduktibel^{1&3} (bagi setiap tahun polisi)	RM500 RM2,500 RM5,000 RM20,000 RM20,000 dengan Pilihan Persaraan ²	
4	Insurans bersama³	<u>Bagi Manfaat yang Diinsuranskan di bawah Perkara (5) hingga (18)</u> 20% Insurans Bersama akan dikenakan terhadap Amaun Deduktibel sehingga RM20,000 setiap tahun polisi bagi perbelanjaan layak yang ditanggung untuk Perkara (5) hingga (18) di bawah keadaan berikut: • Apabila tiada rujukan daripada pengamal perubatan berdaftar di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' sebelum kemasukan hospital atau pembedahan harian; atau • Perbelanjaan yang layak ditanggung bagi rawatan yang diterima dari klinik dan/atau hospital yang tidak disenaraikan di bawah 'The Great Journey'. <u>Bagi Manfaat yang Diinsuranskan di bawah Perkara (28)</u> Peratusan Insurans Bersama akan dikenakan bagi perbelanjaan yang layak ditanggung untuk Perkara (28) berdasarkan keadaan berikut: • 5% Insurans Bersama akan dikenakan sehingga RM500 setiap tahun polisi jika: a) rawatan pesakit luar di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'; dan b) rawatan pesakit luar di hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' selepas rawatan pesakit luar di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'. Amaun insurans bersama ini akan ditolak daripada amaun deduktibel yang perlu dibayar dalam satu tahun polisi dan sebaliknya; atau	

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	GREAT MediValue	GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus
	Jenis Pelan	Pelan 200	Pelan 200
4	Insurans bersama³	20% Insurans Bersama akan dikenakan sehingga RM20,000 setiap tahun polisi jika rawatan pesakit luar tidak diperoleh di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'. Amaun Insurans Bersama ini tidak akan ditolak daripada amaun deduktibel yang perlu dibayar dalam satu tahun polisi dan sebaliknya. Nota: Klinik dan hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' merujuk pada rangkaian klinik dan hospital terpilih yang berkenaan bagi polisi GREAT MediValue. Bagi senarai terkini klinik dan hospital di bawah 'The Great Journey', sila rujuk pelokasi sesawang yang tersedia di laman sesawang Great Eastern.	
5	Bilik dan Hidangan Hospital⁶ (Had sehari, tiada had bagi bilangan hari)	RM200	
		Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada had yang dinyatakan di atas	
6	Unit Rawatan Rapi⁶ (Tertakluk pada maksimum 200 hari bagi setiap tahun polisi)	Seperti caj yang dikenakan	
7	Penambahan pada Had Bilik dan Hidangan Hospital	RM50 bagi setiap 5 tahun polisi; sehingga jumlah kumulatif 100% daripada had Bilik dan Hidangan Hospital	
8	Bekalan dan Khidmat Hospital⁶	Seperti caj yang dikenakan. ⁵	
9	Bayaran Pembedahan⁶		
10	Dewan Bedah⁶		
11	Bayaran Pakar Bius⁶		
12	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital⁶ (2 lawatan sehari)		

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	GREAT MediValue		GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus	
	Jenis Pelan	Pelan 200		Pelan 200	
13	Pemindahan Organ ⁶	Seperti caj yang dikenakan. ⁵			
14	Bayaran Ambulans ⁶				
15	Pembedahan Harian ⁶				
16	Ujian Diagnosis Sebelum Kemasukan Hospital ⁶ (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)				
17	Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan Hospital, Rawatan dan Ubat yang Ditetapkan ⁶ (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)				
18	Pendapat Perubatan Kedua oleh Pakar Sebelum Kemasukan Hospital ⁶ (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)				
19	Rawatan Selepas Kemasukan Hospital ⁶ • Keadaan Bukan Serius	Seperti caj yang dikenakan, dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital			
	• Keadaan Serius	Seperti caj yang dikenakan, dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital		Seperti caj yang dikenakan, dalam tempoh 365 hari selepas keluar hospital	
20	Pengimejan Pesakit Luar (MRI/PET) ⁶ (Tertakluk pada maksimum 30 hari dari tarikh MRI/PET)	Sehingga 5,000 bagi setiap tahun polisi.			
21	Ujian Genomik bagi Kanser ⁶	Seperti caj yang dikenakan.			

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	GREAT MediValue	GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus
	Jenis Pelan	Pelan 200	Pelan 200
22	Jagaan oleh Jururawat di Rumah Selepas Kemasukan Hospital⁶ (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital)	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM8,000 bagi setiap hilang upaya dan sehingga 200 hari bagi seumur hidup.	
23	Kiropraktik, Terapi Pertuturan atau Terapi Cara Kerja Selepas Kemasukan Hospital⁶ (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital)	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM150 bagi setiap lawatan dan 10 lawatan susulan bagi setiap hilang upaya.	
24	Pengamal Perubatan Tradisional Cina Selepas Kemasukan Hospital⁶ (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital)	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM150 bagi setiap lawatan dan 10 lawatan susulan bagi setiap hilang upaya.	
25	Rawatan Kanser Pesakit Luar⁶ (termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang ditetapkan dibawa ke rumah)	Seperti caj yang dikenakan.	
26	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar⁶ (termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang ditetapkan dibawa ke rumah)		
27	Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar⁶ (Tertakluk pada maksimum 30 hari dari tarikh kemalangan)		
28	Rawatan Pesakit Luar^{4&6} • Demam Denggi • Virus Zika • Demam Chikungunya • Influenza A • Influenza B • Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut • Bronkitis • Pneumonia	Seperti caj yang dikenakan. Tertakluk pada insurans bersama yang berkenaan, seperti dinyatakan dalam perkara (4) – Insurans Bersama.	

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	GREAT MediValue		GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus
	Jenis Pelan	Pelan 200		Pelan 200
29	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (Sehari, tertakluk pada maksimum 120 hari bagi setiap tahun polisi)	RM200		
30	Manfaat Penjaga Harian⁶ (Sehari, tertakluk pada maksimum 180 hari setiap tahun polisi)	RM150		
31	Kanta Intraokular⁶	Maksimum RM8,000 bagi seumur hidup		
32	Bayaran Laporan Perubatan⁶	Seperti caj yang dikenakan, sehingga maksimum RM200 bagi setiap kemasukan hospital untuk rawatan pesakit dalam atau setiap hilang upaya bagi rawatan pesakit luar		
33	Manfaat Ubat Kanser Baharu	Tiada	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM50,000 bagi seumur hidup	
34	Manfaat Pembedahan Pembentukan Semula⁶	Tiada	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM50,000 bagi seumur hidup	
35	Manfaat Saringan Selepas Kanser⁶ Sehingga 5 tahun serta-merta selepas 365 hari dari keluar hospital bagi rawatan kanser	Tiada	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM5,000 bagi setiap tahun polisi	
36	Manfaat Kaunseling Psikologi⁶	Tiada	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM500 setiap lawatan, maksimum 20 lawatan seumur hidup bagi satu polisi	
37	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	RM20,000		
38	Supreme Assist (Khidmat Bantuan Perubatan Kecemasan)	Mengikut peruntukan manfaat dalam perjanjian Supreme Assist		

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	GREAT MediValue	GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus
	Jenis Pelan	Pelan 200	Pelan 200
39	Car Assistance Programme	Mengikut peruntukan manfaat dalam perjanjian Car Assistance Programme	
40	Bonus Kesihatan	Bayaran balik caj insurans secara dua tahun sekali, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh 2 tahun berturut-turut sebelum setiap bayaran balik dikreditkan. Bayaran balik adalah 10% daripada caj insurans sebenar yang dikenakan pada tahun sebelum setiap bayaran balik dan amaun bayaran balik tersebut akan dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan polisi selepas setiap 2 tahun. Jika tuntutan dibuat dalam sebarang tempoh 2 tahun berturut-turut, Bonus Kesihatan berikut selepas tuntutan tersebut akan dilucutkan.	

Nota:

- ¹ Syarikat akan membayar balik jumlah perbelanjaan layak ditanggung bagi manfaat yang diinsuranskan (5) hingga (15) yang terkumpul bagi setiap tahun polisi, yang melebihi jumlah deduktibel dan insurans bersama (jika berkenaan),
 - ² Pilihan persaraan membolehkan pemilik polisi menukar pelan deduktibel RM20,000 kepada pelan deduktibel RM5,000 apabila Hayat yang Diasuranskan mencapai umur 60 tahun hari jadi berikut tanpa taja jamin selanjutnya.
 - ³ Deduktibel dan Insurans Bersama tidak berkenaan bagi keadaan berikut, jika berkenaan:
 - Rawatan kecemasan;
 - Rawatan pesakit luar bagi rawatan susulan akibat kanser atau dialisis buah pinggang; dan
 - Rawatan yang diperoleh daripada sebuah kemudahan jagaan kesihatan kerajaan.
 - ⁴ Senarai syarat tertakluk pada semakan Syarikat dan boleh dilanjutkan dengan penambahan syarat dari semasa ke semasa.
 - ⁵ Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa seperti dikenakan untuk wad atau bilik dan hidangan yang lebih kurang dan dalam lingkungan amaun had harian yang dinyatakan bagi manfaat Bilik dan Hidangan Hospital di bawah pelan yang diinsuranskan.
 - ⁶ Tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa.
- Tertakluk pada terma dan syarat

Soalan lazim

Untuk GREAT MediValue + GREAT MediValue Plus

S: Siapakah yang boleh memohon?

J:

Kategori	Umur Kemasukan	
Hayat yang Diasuranskan (Anak yang Belum Lahir)	Minimum	13 minggu kehamilan
	Maksimum	36 minggu kehamilan
Hayat yang Diasuranskan	Minimum	Mencapai umur 14 hari
	Maksimum	70 tahun hari jadi berikut*

* Bagi pilihan deduktibel RM20,000 dengan Pilihan Persaraan, umur kemasukan maksimum ialah 59 tahun hari jadi berikut.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Berapakah premium yang saya perlu bayar?

J: GREAT MediValue dan GREAT MediValue Plus merupakan rider dengan penolakan unit, iaitu caj insurans akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda secara bulanan. Namun, anda mungkin perlu membayar premium tambahan untuk memastikan kelangsungan polisi, jika jumlah nilai pelaburan polisi anda tidak mencukupi.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Apakah keadaan lazim yang menyebabkan GREAT MediValue dan GREAT MediValue Plus ditamatkan?

- J: Keadaan yang lazim termasuk:
- Apabila hayat yang diasuranskan meninggal dunia.
 - Pada ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan berumur 80 tahun atau 100 tahun hari jadi berikut, bergantung pada tempoh perlindungan yang dipilih.
 - Apabila polisi asas telah luput, diserahkan atau ditamatkan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Adakah saya dilindungi untuk rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia?

J: Anda dilindungi untuk rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia tetapi tertakluk pada maksimum 90 hari berturut-turut jika anda menetap atau melancong di luar Malaysia (kecuali Singapura dan Brunei), serta Bayaran Munasabah dan Biasa yang setara dengan rawatan tempatan di Malaysia.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT MediValue dan GREAT MediValue Plus tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadual Caj Insurans Tahunan bagi GREAT MediValue

Lelaki

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Pelan 200			
	Deduktibel (RM)			
	500	2,500	5,000	20,000
0 - 5	1,245	1,082	888	670
6 - 10	604	538	454	358
11 - 15	523	468	394	310
16 - 20	723	642	534	414
21 - 25	748	663	550	426
26 - 30	749	664	551	426
31 - 35	750	665	552	427
36 - 40	773	683	565	433
41 - 45	907	802	661	505
46 - 50	1,045	922	757	574
51 - 55	1,654	1,450	1,181	880
56 - 60	1,997	1,753	1,429	1,068
61 - 65	2,750	2,410	1,956	1,451
66 - 70	3,812	3,335	2,700	1,994
71 - 75*	5,674	4,958	4,005	2,945
76 - 80*	8,445	7,371	5,940	4,350
81 - 85*	10,726	9,361	7,540	5,517
86 - 90*	13,461	11,746	9,458	6,917
91 - 95*	16,558	14,446	11,631	8,504
96 - 99*	20,313	17,721	14,266	10,426

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Jadual Caj Insurans Tahunan bagi GREAT MediValue (Sam'b)

Lelaki (Sam'b)

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Pelan 200
	Deduktibel (RM)
	20,000 dengan Pilihan Persaraan
0 - 5	670
6 - 10	358
11 - 15	310
16 - 20	414
21 - 25	426
26 - 30	426
31 - 35	427
36 - 40	433
41 - 45	505
46 - 50	574
51 - 55	880
56 - 59	1,068
60*	1,429
61 - 65*	1,956
66 - 70*	2,700
71 - 75*	4,005
76 - 80*	5,940
81 - 85*	7,540
86 - 90*	9,458
91 - 95*	11,631
96 - 99*	14,266

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Jadual Caj Insurans Tahunan bagi GREAT MediValue (Sam’b)

Perempuan

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Pelan 200			
	Deduktibel (RM)			
	500	2,500	5,000	20,000
0 - 5	1,191	1,038	850	642
6 - 10	586	522	439	347
11 - 15	504	450	378	297
16 - 20	619	551	460	358
21 - 25	725	642	533	410
26 - 30	726	643	534	411
31 - 35	746	660	545	417
36 - 40	832	735	606	462
41 - 45	973	858	707	538
46 - 50	1,137	1,001	821	620
51 - 55	1,399	1,232	1,009	760
56 - 60	1,626	1,431	1,172	883
61 - 65	2,275	1,998	1,627	1,216
66 - 70	3,196	2,800	2,271	1,684
71 - 75*	4,745	4,150	3,357	2,475
76 - 80*	7,048	6,155	4,965	3,642
81 - 85*	9,038	7,892	6,363	4,664
86 - 90*	11,402	9,955	8,025	5,880
91 - 95*	14,102	12,311	9,923	7,270
96 - 99*	17,356	15,150	12,210	8,943

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Jadual Caj Insurans Tahunan bagi GREAT MediValue (Sam'b)

Perempuan (Sam'b)

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Pelan 200
	Deduktibel (RM)
	20,000 dengan Pilihan Persaraan
0 - 5	642
6 - 10	347
11 - 15	297
16 - 20	358
21 - 25	410
26 - 30	411
31 - 35	417
36 - 40	462
41 - 45	538
46 - 50	620
51 - 55	760
56 - 59	883
60*	1,172
61 - 65*	1,627
66 - 70*	2,271
71 - 75*	3,357
76 - 80*	4,965
81 - 85*	6,363
86 - 90*	8,025
91 - 95*	9,923
96 - 99*	12,210

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Caj insurans di atas (atau pada halaman sebelumnya) hanya berkenaan bagi kelas pekerjaan 1 & 2. Caj insurans kelas pekerjaan 3 & 4 akan disediakan ejen perkhidmatan anda, jika berkenaan. Caj insurans di atas (atau pada halaman sebelumnya) akan dikenakan mengikut umur anda yang dicapai pada hari jadi berikut, jantina, status merokok, pekerjaan, keadaan kesihatan dan deduktibel yang dipilih (jika berkenaan). Caj insurans tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan caj insurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum semakan semula dilakukan.

Jadual Caj Insurans Tahunan untuk GREAT MediValue Plus

Lelaki & Perempuan

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Pelan 200	
	Deduktibel (RM) 500, 2,500, 5,000, 20,000, 20,000 dengan Pilihan Persaraan	
	Lelaki	Perempuan
0 - 5	62	74
6 - 10	50	62
11 - 15	50	62
16 - 20	69	71
21 - 25	74	88
26 - 30	78	96
31 - 35	94	122
36 - 40	115	204
41 - 45	155	330
46 - 50	226	430
51 - 55	344	541
56 - 59	487	621
60**	487	621
61 - 65**	730	920
66 - 70**	1,117	1,365
71 - 75*	1,693	2,099
76 - 80*	2,542	3,400
81 - 85*	3,437	4,949
86 - 90*	4,250	6,412
91 - 95*	5,065	7,655
96 - 99*	5,894	8,810

*Pembaharuan untuk semua pelan.
**Pembaharuan untuk semua pelan bagi deduktibel RM20,000 dengan Pilihan Persaraan.

Caj insurans di atas hanya berkenaan bagi kelas pekerjaan 1 & 2. Caj insurans kelas pekerjaan 3 & 4 akan disediakan ejen perkhidmatan anda, jika berkenaan. Caj insurans di atas akan dikenakan mengikut umur anda yang dicapai pada hari jadi berikut, jantina, status merokok, pekerjaan dan keadaan kesihatan (jika berkenaan). Caj insurans tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan caj insurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum semakan semula dilakukan.

Pengecualian dan Had

(Berkenaan bagi GREAT MediValue dan GREAT MediValue Plus)

Syarikat tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah rider disebabkan dan termasuk mana-mana perkara berikut, secara langsung atau tidak langsung:

1. Sakit Sedia Ada;
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama dari Tarikh Risiko Berkuat Kuasa bagi GREAT MediValue dan/atau GREAT MediValuePlus masing-masing;
3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari Tarikh Risiko Berkuat Kuasa bagi GREAT MediValue dan/atau GREAT MediValue Plus masing-masing kecuali Kecederaan;
4. Rawatan pembedahan plastik/kosmetik (kecuali seperti dinyatakan dalam Manfaat Pembedahan Pembentukan Semula), acara berkhatan (berkaitan agama), pemeriksaan mata, bercermin mata, kanta lekap dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial atau Lasik), rabun dekat, astigmatisme dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau alatan luaran palsu seperti anggota palsu, alat bantuan pendengaran, alat/implan koklear, implan merangsang denyutan jantung, implan defibrilator jantung atau sebarang jenis implan alatan jantung, penggantian alat berasaskan bateri, alat perangsang saraf (neurostimulator), elektrod/dedawai dan preskripsinya;
5. Keadaan gigi termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan mulut bagi perbelanjaan yang ditanggung, kecuali diperlukan akibat Kecederaan pada gigi semula jadi sihat yang berlaku dalam mana-mana Tahun Polisi dan dilakukan seorang Doktor Gigi. Bagi mengelakkan keraguan, tanpa mengambil kira sama ada ia diperlukan akibat Kecederaan pada gigi semula jadi sihat yang berlaku dalam mana-mana Tahun Polisi, peletakan gigi palsu, perkhidmatan alatan palsu serta alat atau peralatan yang termasuk serta tidak terhad pada sambungan (bridge), pembentuk (crown) dan implan atau penggantianannya semua akan dikecualikan;
6. Jagaan peribadi (kecuali seperti dinyatakan dalam Jagaan oleh Jururawat di Rumah Selepas Kemasukan Hospital), pemulihan rehat atau penjagaan sanatorium, jagaan hospis dan penjagaan atau rawatan bukan untuk penyembuhan, pemuliharaan atau pemulihan, dadah haram, kemabukan, pensterilan, Penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan Penyakit berkaitan HIV;
7. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Keadaan Kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan yang wujud atau didiagnosis sebelum Hayat yang Diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut;
8. Kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan menjelang putus haid (perimenopause) atau putus haid, kesuburan atau subkesuburan atau ketidaksuburan. Ketidakfungsian erektile dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
9. Kemasukan Hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan (kecuali seperti dinyatakan dalam Manfaat Ubat Kanser Baharu), diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan seorang Pakar Perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan;
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau Kecederaan yang dilakukan sendiri secara sengaja, ketika waras atau tidak waras;
11. Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau penganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
12. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear;

13. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Hayat yang Diasuranskan bagi menderma sebarang organ badan dan kos pemerolehan sebarang organ badan untuk didermakan kepada Hayat yang Diasuranskan termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya, pengangkutan organ dan penyimpanan organ/tisu;
14. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur serta dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad pada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, urutan atau aromaterapi atau rawatan alternatif lain (kecuali seperti dinyatakan bagi Kiropraktik, Terapi Pertuturan atau Terapi Cara Kerja Selepas Kemasukan Hospital atau Pengamal Perubatan Tradisional Cina Selepas Kemasukan Hospital);
15. Jagaan atau rawatan yang tidak dikenakan bayaran atau apabila ia boleh dibayar dengan insurans lain atau pampasan yang melindungi Hayat yang Diasuranskan serta hilang upaya yang terjadi kerana tugas kerja atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja;
16. Sakit jiwa (kecuali seperti dinyatakan dalam Manfaat Kaunseling Psikologi), gangguan mental atau saraf, termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya;
17. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang berciri bukan perubatan misalnya televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan, sebarang cukai kerajaan yang mungkin dikenakan Hospital di luar Malaysia dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
18. Hidupan atau Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), sukan berbahaya yang tidak terhad pada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional, pendakian gunung dan aktiviti haram;
19. Penerbangan peribadi selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal dalam sebarang syarikat penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
20. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
21. Sebarang rawatan Pesakit Luar yang tidak berkaitan dengan rawatan Pesakit Dalam, kecuali seperti disediakan di bawah Manfaat yang Diinsuranskan; atau
22. Bayaran yang bukan Bayaran Munasabah dan Biasa atau sebarang Pembedahan atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan (kecuali seperti dinyatakan dalam Manfaat Pembedahan Pembentukan Semula), atau bayaran yang melebihi Bayaran Munasabah dan Biasa, atau bayaran yang ditanggung bagi Kemasukan Hospital, sebelum dan/atau selepas kemasukan hospital selepas Tarikh Tamat Tempoh.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh di bawah rider ini.

Notis penting

GREAT MediValue dan GREAT MediValue Plus merupakan rider perubatan dengan penolakan unit yang boleh dilampirkan pada pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium tetap yang dipilih. **Pelan ini merupakan produk insurans berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Caj insurans yang dikenakan akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda secara bulanan. Anda boleh berhenti membayar premium di bawah polisi dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah nilai pelaburan yang mencukupi untuk membayar caj insurans. Namun, terdapat kemungkinan polisi menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk caj rider melebihi jumlah nilai pelaburan bagi unit dana yang sedia ada. Pembelian terlalu banyak rider dengan penolakan unit mungkin mengurangkan unit dana.

Anda mempunyai pilihan untuk melampirkan GREAT MediValue Plus pada pelan insurans berkaitan pelaburan anda; namun, ia mesti dilampirkan bersama GREAT MediValue. Jika GREAT MediValue Plus kemudiannya dilampirkan pada pelan insurans berkaitan pelaburan anda selepas perlindungan di bawah GREAT MediValue berkuat kuasa, tahun polisi pertama bagi GREAT MediValue akan diselaraskan dan menjadi kurang daripada satu tahun. Bagi tahun-tahun yang seterusnya, ulang tahun polisi GREAT MediValue Plus akan bersamaan dengan ulang tahun polisi GREAT MediValue.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa rider ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian produk Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI). Jika suatu rider dibatalkan dalam tempoh ini, pemilik polisi berhak memperoleh penguatkuasaan semula unit yang ditolak untuk bayaran caj insurans selepas menolak perbelanjaan bersih yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada. Jika anda menukar Polisi/Rider Perubatan anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan Polisi/Rider Perubatan lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan semasa penukaran atau penggantian Polisi/Rider.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma GREAT Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma GREAT Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma GREAT Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma GREAT Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma GREAT Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ **03-4259 8888**

📠 **03-4259 8000**

✉ **wecare-my@greateasternlife.com**

🖱 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.